

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

24 MAC 2019

AHAD



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

BERITA HARIAN

BINA SEGERA HOSPITAL PASIR GUDANG JOHOR : SULTAN JOHOR

2



# BERITA HARIAN

24/3/2019  
BH-Ahad.

**Sultan Ibrahim dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah, mengaminkan doa sempena Istiadat Sambutan Ulang Tahun Hari Keputerayaan Rasmii Sultan Johor di Istana Besar, Johor Bahru, semalam.**



• 24 Mac 2019 BH-AHAD

[FOTO IHSAN ROYAL PRESS OFFICE]

## Bina segera Hospital Pasir Gudang: Sultan Johor

↳ Sultan Ibrahim titah wujud keperluan selepas insiden pencemaran

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@bh.com.my

■ Johor Bahru

Saya dengar perkara ini sudah ada dalam perancangan kerajaan. Oleh itu, saya harap pembinaannya akan dapat segera dilaksanakan"

**Sultan Ibrahim Iskandar, Sultan Johor**

**S**ultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, bertitah wujud keperluan untuk membina sebuah hospital kerajaan di kawasan Pasir Gudang, susulan insiden pencemaran sisa kimia baru-baru ini.

Baginda berharap kerajaan dapat menyegerakkan pembinaan hospital itu.

"Saya dengar perkara ini sudah ada dalam perancangan kerajaan. Oleh itu, saya harap pembinaannya akan dapat segera dilaksanakan."

"Saya percaya Johor antara penyumbang utama hasil pendapatan Kerajaan Persekutuan."

"Oleh itu, wajar dan adil jika lebih banyak peruntukan pembangunan disalurkan kepada Johor, terutama

menaik taraf kemudahan kesihatan, pengangkutan awam dan jaringan lebuhraya," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Istiadat Sambutan Ulang Tahun Hari Keputerayaan Rasmii Sultan Johor di Dewan Singgahsana Istana Besar, di sini, semalam.

### Zahir dukacita

Sultan Ibrahim turut menzhirkkan rasa dukacita dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa kimia dalam Sungai Kim Kim.

Bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang, Sultan Johor bertitah supaya kerajaan segera melaksanakan tindakan kawalan dan pengquatkuasaan bersepadu terhadap semua kilang yang menggunakan bahan kimia beracun.

"Mana-mana kilang yang gagal mematuhi peraturan pengurusan keselamatan dan alam sekitar hendaklah diarahkan tutup serta-merta."

"Bagi jangka panjang, saya mahu kerajaan mengkaji semula jenis industri di Pasir Gudang dengan menutup atau memindahkan industri gas dan bahan kimia mudah meleput serta membahayakan penduduk setempatnya," titah baginda.

Sementara itu, isteri Tunku Mahkota Johor, Che' Puan Khaleeda binti Tunku Mahkota Johor, Dr Badru Hisham Kassim dan Setiausaha Sultan Johor, Jaba Mohd Noah.

nerima pingat dan darjah kebesaran sempena sambutan ulang tahun Hari Keputerayaan Sultan Ibrahim.

Che' Puan Khaleeda menerima Darjah Kerabat Johor Yang Amat Di-hormati Pangkat Pertama (DK I).

Turut mendahului senarai, suami

Tunku Tun Aminah Maizunah Iskandariah Sultan Ibrahim, Dennis Muhammad Abdullah, diperkenan

menerima Darjah Paduka Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Ke-dua Dato' Paduka Mahkota Johor (DPMJ) membawa gelaran Datuk,

Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli, berkata seramai lima individu diperkenan menerima Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjungi Pangkat Kedua Dato' Mulia Sultan Ibrahim Johor (DMJ) yang turut

membawa gelaran datuk.

Katanya, penerima DMJ ialah Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ), Md Rofiki A Shamsudin dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), Mohd Noorazam Osman.

Turut menerima DMJ ialah Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Mohd Noh Ibrahim; Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan), Dr Badru Hisham Kassim dan Setiausaha Sultan Johor, Jaba Mohd Noah.

